

Agro: PM berterima kasih kepada Utusan

-11/31
pg.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan penghargaan dan memuji langkah *Utusan Malaysia* memperkenalkan halaman pertanian, *Agro*.

Perdana Menteri yang menjadi pendokong kuat dalam memajukan pertanian negara berkata, beliau sendiri tertarik dengan bahan-bahan yang dipaparkan dalam *Agro*.

"Saya memuji langkah Utusan menerbitkan halaman khas untuk pertanian ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd dan tiga wartawan Utusan dalam wawancara eksklusif di pejabatnya, di Putrajaya, Jumaat lepas.

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri sendiri menunjukkan minat dan kesungguhan memperkatakan mengenai ruangan *Agro*.

Beliau sebelum ini pernah membuat kenyataan yang sama dengan menghubungi sendiri Khalid selepas pengenalan ruangan *Agro* yang pertama dalam *Utusan Malaysia* pada 6 Februari lepas.

Ruangan *Agro* yang mengandungi dua muka berita dan rencana mengenai perkembangan terbaru dunia pertanian diterbitkan dalam Seksyen Tiga *Utusan Malaysia* setiap Jumaat.

Mengulas lanjut mengenai pertanian, Abdullah berkata: "Pertanian sebenarnya adalah kekayaan asli dan khazanah pemberian Allah SWT kepada kita.

"Kita boleh memajukan bidang ini

dengan cara terbaik agar ia memberi sebesar-besarnya faedah yang dapat kita peroleh."

Beliau berkata, langkah Utusan untuk menyediakan beberapa halaman dalam akhbar mengenai pertanian adalah sangat baik kerana ia dapat menarik perhatian orang ramai terhadap sektor itu dan juga menggalakkan mereka menyertainya.

"Dengan menggunakan pendekatan bioteknologi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kita akan dapat lihat kemajuannya (yang lebih besar) dan menghasilkan satu sumbangan besar kepada ekonomi negara," katanya.

Abdullah berkata, sebenarnya bidang pertanian boleh ditambah nilai dari segi hasil pengeluarannya yang seterusnya akan menambah pendapatan petani, penternak dan nelayan.

Katanya, negara juga boleh menggunakan produk-produk pertanian itu sendiri, untuk menjadikan ia sebagai industri asas tani yang lebih besar.

"Terima kasihlah Utusan," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi tertarik memperkatakan kandungan muka hadapan *Agro* di Seksyen 3, *Utusan Malaysia* keluaran 5 Mac pada sesi wawancara eksklusif bersama Utusan di pejabatnya di Putrajaya, Jumaat lepas.